

12 MAR 1997

Kart-kelab

KELAB KART LANGKAWI AKAN DITUBUHKAN

LANGKAWI, 12 Mac (Bernama) -- Sebuah Kelab Kart akan ditubuhkan di sini sesuai dengan wujudnya litar kart antarabangsa, Morac Langkawi yang dapat menjadi gelanggang melahirkan ramai jaguh tempatan.

Penubuhannya dicadangkan oleh peminat kart yang menggunakan litar itu dalam usaha memperkenalkan sukan itu kepada masyarakat tempatan dan pelancong, kata pengerusi bersama sirkit kart Morac itu, Datuk Abdul Halil Mutalib.

Abdul Halil yang juga Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) hari ini berkata, penubuhan kelab itu amat dialu-alukan kerana ia dapat mempergiatkan program latihan kepada pelumba-pelumba tempatan dalam mengharungi cabaran pada beberapa kejohanan kart yang bakal dianjurkan.

Tanpa memberikan butiran lanjut mengenai kelab itu, beliau berkata, gelanggang itu akan dibuka untuk disewa kepada orang ramai bagi membolehkan lebih ramai penduduk tempatan menyertai aktiviti itu.

Litar kart yang dikendalikan MOFAZ Motorsport telah mendapat pengiktirafan daripada Persekutuan Kart Antarabangsa sebagai gelanggang yang mencapai taraf antarabangsa.

Katanya, litar itu menjadi antara gelanggang termoden di negara ini kerana mempunyai pengesan komputer serta mampu menampung kira-kira 1,000 penonton pada satu-satu masa.

Menurutnya, litar itu menjadi gelanggang kepada kejohanan kart prix ASEAN pusingan pertama yang diadakan awal bulan ini yang turut disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pusingan kedua akan diadakan pada Jun diikuti pusingan ketiga pada September serta kejohanan antarabangsa yang dijadual November ini yang kesemua perlumbaan itu sebagai menyediakan pelumba-pelumba pada perlumbaan Formula Satu di masa depan.-- BERNAMA

ZI OBA